

Iran mahu pendapat umum tekan Israel

34 4 APR 2007

PUTRAJAYA, Rabu - Iran meminta pendapat umum dunia dibangkitkan untuk mengutuk kekejaman Israel terhadap penduduk Palestin dan mengenakan tekanan terhadap Perdana Menteri Israel Ariel Sharon supaya mengundurkan tenteranya daripada wilayah-wilayah yang diduduki.

Menteri Luar Iran Dr Seyyed Kamal Kharazi berkata beliau percaya pendapat umum dunia yang dibangkitkan terhadap serangan Israel akan menghalang mereka daripada meneruskan dengan kekejaman terhadap rakyat Palestin.

"Saya percaya tekanan ini pasti akan membawa impak," katanya pada sidang akhbar selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini, hari ini.

Sharon telah meningkatkan kempen ketenteraannya terhadap pejuang Palestin di wilayah-wilayah yang didudukinya sejak Jumat, dengan Presiden Palestin Yasser Arafat dikepung di ibu pejabat Pihak Berkuasa Palestin di bandar Ramallah di Tebing Barat.

Beliau berkata pendapat umum itu juga boleh digunakan untuk menekan Amerika Syarikat iaitu rakan karib Israel supaya mengambil tindakan untuk menghentikan keganasan Israel di bumi Palestin.

"Masalahnya ialah Ame-

rika memihak kepada Israel, menyokong dan memberikan mereka hak untuk meneruskan dengan gerakan ketenteraan ini," katanya.

Dr Kharazi berada di sini untuk menghadiri Sesi Khas Menteri-Menteri Luar Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan yang berakhir hari ini.

Mengenai perbincangannya selama 45 minit bersama Dr Mahathir, Dr Kharazi berkata mereka telah membincangkan pelbagai isu dua hala dan juga isu-isu serantau dan dua hala.

Beliau berkata, mereka juga membincangkan isu Palestin dan berkongsi pendapat mengenai pelbagai aspek keganasan termasuk membezakan pengebom berani mati Palestin dengan kekejaman rejim tentera Yahudi terhadap penduduk Palestin.

Mengenai kepimpinan OIC yang akan dipengerusikan oleh Malaysia pada 2003, Dr Kharazi berkata Malaysia adalah calon yang paling sesuai dan ia antara negara penting dalam OIC.

Beliau berkata Menteri-menteri OIC telah mencadangkan di sesi khas ICFM yang tamat hari ini yang Malaysia perlu teruskan perahan pentingnya dalam memerangi keganasan dan meneruskan kerjasama OIC bersama forum-forum antarabangsa lain mengenai Jawatankuasa Keganasan ICFM. - Bernama